

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP
PRESIDEN ICA**

**PROGRAM SANTUNI KOPERASI VETERAN
REJIMEN SEMBOYAN DIRAJA**

**SEMENANJUNG MALAYSIA BERHAD
ANJURAN ANGKASA WILAYAH
PERSEKUTUAN**

**7 MAC 2023 (SELASA)
3:00 PETANG**

**306A, LORONG SELANGOR, PUSAT
BANDAR MELAWATI, TAMAN MELAWATI
ULU KELANG, KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis

Yang Berbahagia

Dato' Dr. Hj. Abdul Rahman Abdul
Razak Shaik

Timbalan Presiden ANGKASA

Yang Berusaha

En. Mohd Shapie Idris

Timbalan Pengerusi ANGKASA Wilayah
Persekutuan

Tn. Hj. Muhammad Asri Hussin

Setiausaha ANGKASA Wilayah
Persekutuan

En. Meor Mohd Faizul Abd Karim
Bendahari ANGKASA Wilayah
Persekutuan

Barisan Jawatankuasa
ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan

Yang Berusaha
Pengerusi Koperasi Veteran Rejimen
Semboyan Diraja Semenanjung
malaysia Berhad

Barisan Jawatankuasa Koperasi
Veteran Rejimen Semboyan Diraja
Semenanjung Malaysia Berhad

Datuk/Dato'/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian serta tidak lupa kepada penerima sumbangan kalangan anggota koperasi yang saya kasihi.

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menghadirkan diri dalam Program Santuni Koperasi Veteran Rejimen Semboyan Diraja

Semenanjung Malaysia Berhad Anjuran
ANGKASA Wilayah Persekutuan.

2. Saya bagi pihak ANGKASA
mengambil kesempatan ini
merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan dan terima kasih
kepada semua kerana dapat

melapangkan masa dan hadir pada program ringkas penyerahan sumbangan pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Sejak negara dilanda pandemik COVID-19, ANGKASA giat menjalankan

aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan usaha murni ini masih berterusan sehingga kini, bersesuaian dengan prinsip koperasi, Berprihatin Terhadap Masyarakat.

4. ANGKASA berusaha
mendapatkan pembangunan

berkekalan bagi masyarakat melalui dasar-dasar yang dipersetujui. Sumbangan ini bukan sahaja kepada warga koperasi malah kepada masyarakat umum yang terdiri daripada masyarakat kampung, komuniti dan sebagainya.

5. Program ini merupakan satu usaha ANGKASA pusat bersama ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan, turun padang dan membantu golongan yang memerlukan melangkaui peringkat umur, bangsa, agama, fahaman politik dan sebagainya.

6. Saya dimaklumkan bahawa program pada hari ini turut bertujuan untuk meraikan 60 orang yang akan menerima sumbangan berupa pek barangan asas.

7. Pek barangan ini adalah dari program pembekalan Barangan Asas

100 yang dikenali sebagai Projek BA100 yang merupakan program bersepadu diperkenalkan oleh ANGKASA dalam usaha berterusan menggerakkan perniagaan koperasi terutama dalam membantu menawarkan penjualan barangan asas pada harga berpatutan.

8. Walaupun sumbangan ini dalam kuantiti yang kecil, tetapi besarlah harapan kami agar sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban mereka yang terkesan sekaligus memastikan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat terjaga.

9. Akhir kata, ANGKASA berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang, bersesuaian dengan konsep Malaysia Madani yang prihatin terhadap mereka yang memerlukan.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Assalamu'alaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi

Sekian, terima kasih.